

17/01/2002

Pasar moden 24 jam di Shah Alam tahun depan

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Selangor menjadi negeri pertama melaksanakan Pasar Moden yang akan beroperasi 24 jam sebagai pendekatan baru menggalakkan usahawan kecil berniaga selain mencegah pengambilan untung orang tengah.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata pasar moden secara terbuka itu akan memberi peluang kepada usahawan kecil berniaga dalam tempoh beberapa jam tertentu kemudian diambil alih peniaga lain.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah meluluskan kertas cadangan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang sudah mengenal pasti lokasi tapak pasar berkenaan seluas 0.4 hektar di pusat bandar Shah Alam.

"Pasar berkenaan jauh bezanya daripada pasar malam yang dijalankan pada hari ini kerana ia akan dilengkapi bumbung serta kemudahan lain untuk peniaga dan pembeli termasuk tempat meletak kenderaan.

"Berbanding pasar malam yang menggunakan kaedah tidak tersusun, ia menimbulkan masalah kepada pelanggan kerana dibuat di atas jalan dan masanya tertentu saja," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Kerajaan Negeri (Exco) di sini, hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata, pasar moden berkenaan dijangka beroperasi tahun depan dan menjadi perintis untuk dilaksanakan di bandar besar yang lain seperti Petaling Jaya dan Subang Jaya sekiranya berjaya.

"Pasar moden ini juga adalah konsep yang tersusun bukan sekadar menjaga kualiti barangan tetapi juga imej bandar supaya bersih dan sesuai dijadikan tarikan pelancong sebagaimana pasar di luar negara," katanya.

Kerajaan negeri mengalu-alukan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk membina gerai tetap kepada penjaja dan peniaga kecil di semua bandar seluruh negara bagi membantu menaikkan taraf sosio-ekonomi golongan itu.

Dr Mohamad Khir berkata, saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu sebenarnya sudah dilaksanakan kerajaan negeri di bandar seluruh Selangor.

"Kita gembira Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan perkara yang sama dan memberi peruntukan bagi membina serta menaik taraf gerai di bandar.

"Setakat ini Selangor sudah mengambil tindakan secara berperingkat-peringkat menyita gerai yang dibina di tepi jalan dan mengarahkan peniaga kecil berpindah ke gerai yang dibina majlis," katanya.

Beliau berkata, tindakan itu diambil bagi memastikan kebersihan gerai dan mutu makanan terjaga di samping menjaga kebersihan persekitaran bandar.

Sementara itu, beliau meminta orang awam membuat laporan tepat kepada majlis perbandaran mengenai sebarang masalah berkaitan penyelenggaraan parit di kawasan perumahan masing-masing.

"Saya dapati orang ramai kadang-kadang memberikan laporan tidak tepat sebagai contoh saya sendiri menerima e-mel mengenai wujudnya pusat video haram tetapi bila kita pergi tidak ada.

"Saya juga mahu pihak penguatkuasaan sentiasa memantau dan mengambil tindakan segera. Masalah banjir bukan kerana longkang tidak cukup tetapi tidak diselenggarakan dengan baik," katanya.

(END)